Terus berkorban, berjuang demi Sarawak

ROOSFA HASHIM
news@suarasarawak.my

RAKYAT Sarawak pada hari ini dapat sama-sama menyampaikan ucapan selamat hari lahir kepada Ketua Menteri yang mereka kasihi. Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg kini berusia 70 tahun.

Kepada rakyat biasa, usia ini ialah masa untuk bersara dan berehat. Bagaimanapun, dalam politik, angka 70 ini ialah usia matang untuk memimpin sebuah parti politik atau sebuah Kerajaan Negeri. Bagi ahli politik seperti Abang Johari, beliau mesti terus berkhidmat selagi diperlukan oleh rakyat khususnya para pengundi.

Kebanyakan rakyat negeri Sarawak sudah tahu benar latar belakang dan watak pemimpin mereka ini. Beliau terkenal akan sifatnya yang sabar, mesra dan tenang. Beliau ialah putera Tun Abang Haji Openg, Yang di-Pertua Negeri Sarawak yang pertama. Abang Johari, anak jati negeri Sarawak ini dilahirkan pada 4 Ogos 1950 di Limbang.

Sebagai anak pemimpin tertinggi negeri, perjalanan politik Abang Johari dilihat sesetengah pihak sebagai mudah meskipun hakikatnya berliku dan mencabar. Itu hanyalah salah satu faktor dalam menentukan kejayaannya dalam mengharungi kerjaya sebagai ahli politik. Abang Johari telah bekerja keras dengan sabar dan jujur untuk parti dan tanah airnya.

Membesar Menjadi Pemimpin

Ayahnya sering berpindah dan bertukar tempat kerja. Apabila Abang Haji Openg dilantik menjadi Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Abang Johari pun ikut membesar dan mendapat pendidikan di Kuching. Beliau belajar di SK Merpati Jepang dan kemudiannya di SMK St Joseph. Abang Johari kemudian ke United Kingdom bagi menyambung pengajiannya sehingga ke peringkat sarjana dan memperoleh Masters in Business Management di Henley College, Brunnel University.

Sebagai seorang anak pemimpin negeri, Abang Johari berpeluang mendapat pendedahan langsung daripada ayahnya. Beliau sering mengikuti ayahnya dalam lawatan ke serata pelosok negeri. Oleh itu bakat kepemimpinan beliau sudah mula diasah sejak dari muda lagi.

Pada awal tahun 70-an terdapat beberapa pertubuhan belia yang aktif di negeri Sarawak. Antaranya, Gabongan Kelab-Kelab Belia Melayu Sarawak, Sarawak Youth Council dan Kelab Belia Bidayuh. Pada 1972 pemimpin pertubuhan ini bertemu dan bersetuju bergabung dan menubuhkan Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (Saberkas). Tun Abdul Rahman Ya'akub, Ketua Menteri Sarawak ketika itu diangkat menjadi Presiden Saberkas yang pertama pada 1973.

Abang Johari ikut bergiat dalam Saberkas secara aktif. Pada masa yang sama, beliau sudah menyertai PBB dan aktif dalam sayap pemuda parti itu. Kedua-dua badan ini menjadi pentas awal Abang Johari bergerak dalam politik dan menjadi tempat beliau mengasah bakat kepimpinannya.

Watak dan keperibadian Abang Johari yang luhur menjadikan beliau mudah diterima sebagai pemimpin golongan muda. Beliau seorang peramah dan mudah menyesuaikan dirinya dengan semua orang. Itulah faktor pendorong yang memudahkan perjalanan awal beliau dalam politik. Ketika usianya 27 tahun, beliau sudah berjaya menjadi Ketua Pemuda PBB pada 1977. Beliau juga kemudian menjadi Presiden Saberkas.

Merintis Kerjaya Politik

Sejak itu Abang Johari mulai belajar membaca permainan dan percaturan politik secara serius. Beliau mesti mengambil jalan selamat dan tepat terutamanya apabila berlaku sebarang krisis dan konflik dalaman parti. Beliau mesti pandai mengenal antara kawan dengan lawan. Ketika inilah Abang Johari mula merintis perjalanan awal dalam kerjaya politiknya.

Tahun 1981 ialah salah satu masa yang paling penting dalam kerjaya politik Abang Johari. Tun Abdul Rahman Ya'akub meletakkan jawatannya sebagai Ketua Menteri Sarawak dan mengosongkan kerusinya di Dewan Undangan Negeri. Beliau menyerahkan jawatannya kepada anak saudaranya Tun Abdul Taib Mahmud yang dibawa pulang daripada kabinet persekutuan di Kuala Lumpur.

Abang Johari sedar bahawa Taib Mahmud ialah seorang pemimpin muda yang mempunyai masa depan politik yang cerah. Oleh itu Abang Johari berusaha mengukuhkan hubungannya dengan Taib. Pada 1981 Taib menang dalam pilihan raya kecil di kerusi Sebandi manakala Abang Johari menang di kerusi Satok. Beliau berusia 31 tahun pada ketika itu.

Tahun hadapan 2021, genap 40 tahun beliau sebagai wakil rakyat Satok.

Kemenangan beliau di Satok menghantar Abang Johari buat kali pertama ke Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memberikan pendedahan selok-belok berpolitik yang lebih besar, Taib kemudian melantik Abang Johari menjadi Ketua Setiausaha Politik beliau pada 1982.

Pada tahun berikutnya Taib mula memberikan kepercayaannya yang lebih besar dengan melantik Abang Johari sebagai Pembantu Menteri Wilayah dan Pembangunan Komuniti.

Menyertai Kabinet Sarawak

Satu lagi tarikh penting dalam kerjaya politik Abang Johari berlaku pada 1987. Taib berdepan dengan usaha menggulingkan beliau. Beliau bertindak pantas membubar DUN Sarawak dan mengadakan pilihan raya negeri tergempar. Abdul Taib dan kumpulannya menang dan dapat mengatasi krisis tersebut.

Dalam kabinet baharu yang dibentuk selepas pilihan raya 1987 itu Taib menamakan Abang Johari sebagai Menteri Pembangunan Industri. Sebaliknya ramai ahli politik Sarawak hilang jawatan dan disingkirkan kerana dianggap membelot kepada Taib. Sikap Abang Johari memihak kepada Taib suatu keputusan terbaik dalam kerjayanya. Sejak itu, setiap tiga atau empat tahun Abang Johari bertukar ke kementerian yang lebih penting.

Tuah ayam nampak di kaki . . . keratan The Straits Times 13 Mac 1987 selepas Peristiwa Ming Court yang meramal potensi Abang Johari sebagai Ketua Menteri Sarawak.

Dengan kedudukannya yang baik dalam kabinet negeri, kerjaya politik Abang Johari terus maju hari demi hari. Beliau muncul sebagai salah seorang pemimpin pelapis yang berpotensi menggantikan Taib Mahmud.

Dalam pemilihan pucuk pimpinan parti pada 1998 beliau memenangi jawatan Timbalan Presiden PBB. Beliau mengalahkan dua tokoh terkemuka dalam PBB iaitu, Tan Sri Adenan Satem dan Tan Sri Abang Abu Bakar Mustapha seorang menteri dalam kabinet Kerajaan Persekutuan.

Akhbar utama Sarawak melaporkan kemenangan Abang Johari sebagai Timbalan Presiden PBB pada 1998.

Sungguhpun Abang Johari menang dan dilihat berpotensi menggantikan Abdul Taib, namun perjalanan politik beliau selepas itu agak perlahan kerana Adenan Satem dibawa masuk semula ke dalam pucuk pimpinan PBB sebagai naib presiden kanan. Apabila Adenan Satem meletakkan jawatannya sebagai naib presiden PBB beliau dilantik pula menjadi ketua penerangan PBB.

Adenan Satem juga dikekalkan oleh Taib dalam kabinet dan menjadi saingan kepada Abang Johari untuk jawatan Ketua Menteri. Adenan cuma ada satu kelebihan berbanding Abang Johari: beliau bekas adik ipar Taib.

Abang Johari kemudian menjadi Menteri Pelancongan dalam kabinet tahun 2000, Menteri Perumahan pada 2004, Menteri Perumahan dan Urbanisasi pada 2009. Pada 2011 beliau memegang dua portfolio iaitu, perumahan dan pelancongan.

Ketua Menteri Sarawak

Apabila Taib mengundurkan diri sebagai Ketua Menteri Sarawak pada awal 2014, Adenan Satem menggantikan beliau. Sungguhpun kalangan akar umbi dalam PBB mengharapkan Abang Johari dilantik menggantikan Taib tetapi perkara itu tidak menjadi kenyataan. Abang Johari tidak memprotes atau merajuk tetapi terus bekerja seperti biasa untuk parti dan kabinet negeri.

Pada 2016 selain menjadi Timbalan Ketua Menteri, Abang Johari juga memegang portfolio perumahan dan juga di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Apabila Adenan Satem meninggal dunia, berkat kesabaran dan kejujurannya Abang Johari dilantik menjadi Ketua Menteri Sarawak pada 13 Januari 2017 ketika berusia 67 tahun.

Abang Johari sedar bahawa beliau menggantikan dua orang Ketua Menteri Sarawak yang sangat berjasa kepada Sarawak. Rakyat Sarawak sangat terhutang budi kepada Taib dan Adenan Satem.

Oleh itu cabaran paling besar beliau adalah untuk memberikan perkhidmatan lebih baik daripada Taib dan Adenan Satem. Pada masa yang sama, Abang Johari mesti segera keluar daripada bayang-bayang dua nama besar ini.

Hari demi hari dalam tugasnya sebagai Ketua Menteri Sarawak Abang Johari sentiasa berusaha memperkenalkan inisiatif baharu untuk memenuhi keperluan pengundi dan rakyat Sarawak dan juga berusaha memajukan negeri itu ke tahap yang lebih baik.

Tiga tahun setelah menjadi Ketua Menteri, pada awal 2020 Abang Johari melancarkan program baharu dikenali sebagai 'Sarawakku Sayang' dengan tema 'jaga Sarawak' selari dengan cogan kata GPS, 'Utamakan Sarawak'. Sehingga Januari 2020 Abang Johari telah memperkenalkan 81 inisiatif rakyat yang bertujuan mengubah nasib rakyat, meningkatkan kualiti hidup dan meringankan beban mereka. Ini termasuk membekalkan air bersih, elektrik dan jalan raya ke luar bandar. Apabila Sarawak dilanda pandemik Covid-19, program pembangunan terhenti.

Pada 23 Mac 2020, Abang Johari mengumumkan Peruntukan RM1.15 bilion di bawah 'Pakej Bantuan Khas Sarawakku Sayang' bagi mengurangkan kesan kelembapan ekonomi dan kesulitan yang dihadapi rakyat akibat wabak Covid-19. Dana berkenaan disalurkan melalui 16 langkah proaktif terutama kepada barisan hadapan, isi rumah dan komuniti perniagaan yang amat memerlukan sokongan ketika itu.

Abang Johari sentiasa mengulangi komitmennya untuk menjadi Ketua Menteri semua rakyat Sarawak, dan kepentingan rakyat Sarawak akan terus menjadi keutamaan dan keprihatinannya. Rakyat Sarawak bertuah mendapat Ketua Menteri yang sangat komited dengan tugasnya. Beliau masih sihat, bertenaga, berwawasan dan berpandangan jauh. Selamat ulang tahun kelahiran ke-70 Abang Jo!

• PROFESOR ROOSFA HASHIM, penulis biografi, pensyarah dan Pengarah Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau sedang menyiapkan biografi Ketua Menteri Sarawak.

BIODATA

YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Datuk Abang Haji Openg

LAHIR

4 Ogos 1950
Limbang, Sarawak

JAWATAN

Ketua Menteri Sarawak
Pengerusi Gabungan Parti Sarawak (GPS)
Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB)
Ahli Dewan Undangan Negeri Satok

KELUARGA

BAPA
Tun Datuk Abang Haji Openg Abang Sapi'ee
Yang di-Pertua Negeri Pertama Sarawak
IBU
Toh Puan Dayang Hajah Masniah Abang Haji Abdul Rahman
ISTERI
Datuk Amar Hajah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang
ANAK
Abang Abdillah Izzarim
Dayang Norjihan

PENDIDIKAN

- Sekolah Merpati Jepang, Kuching
- Sekolah Menengah St. Joseph, Kuching
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan Kolej Henley Universiti Brunel, United Kingdom

PERJALANAN POLITIK

1981	Ahli Dewan Undangan Negeri Satok
1982	Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri
1984	Menteri Muda Pembangunan Wilayah dan Komuniti
1987	Menteri Pembangunan Perindustrian
2000	Menteri Pelancongan
2004	Menteri Perumahan
2009	Menteri Urbanisasi dan Perumahan
2011	Menteri Pelancongan dan Perumahan
2016	Timbalan Ketua Menteri, Menteri Perumahan dan Urbanisasi
2017	Dilantik sebagai Ketua Menteri Keenam Sarawak

SUARA SARAWAK INFOGRAFIK
OLEH HUSNUL KHATIMAH

Sunday Tribune

THE TRIBUNE IS YOUR SUNDAY BEST

Abang Jo wins DP post

PM not attending NAM summit

Anwar denies more top Bank Negara officials are quitting

ABANG JOHARI ABANG OPENG — ENCIK ADENAN SATEM — MR RAMSEY JIBAM

Abang Johari, a promising second-echelon State leader

KUCHING, Thurs. — Abang Johari Tun Abang Haji Openg, one of the seven new State Ministers appointed today, has been described as "a promising second echelon leader" of Sarawak.

Abang Johari, the Agriculture and Community Development Minister, is experienced in handling problems peculiar to the rural environment.

An Assistant Regional and Social Development Minister before his appointment, he is said to be an up-and-coming leader groomed by his chief Minister Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud.

He first won the Satok State seat in a 1981 by-election and retained it during the 1983 State election.

A former deputy PBB Youth chief, he was recently elected vice-president of the party, which is headed by Datuk Taib.

He is the son of the State's first Yang di-Pertua Negeri, Tun Abang Haji Openg Abang Sapiee. He takes over from Datuk Daniel Tajem who resigned on Monday to join the disgraced ministers.

Minister, Encik Adenan Satem, was a lawyer, teacher and journalist before becoming involved in politics full time.

He was Assistant Land Development Minister prior to today's appointment. He succeeds Datuk Edward Jeli.

Encik Adenan, the PBB publicity chief, made his political debut by winning in the Muara Tuang State seat in 1974.

He retained the seat in the 1979 and 1983 elections.

The new State Minister of Tourism and Environment, Datuk James Wong Kim Min, is a veteran politician having been involved in SNAP since pre-Malaysia days.

He has been the SNAP president since 1980. He takes over from Datuk Haji Noor Tahir.

Datuk Wong, the State Assemblyman for Limbang, was Deputy Chief Minister for three years from 1963.

He was once Miri-Bahagi Member of Parliament in 1969 on a SNAP won the seat in 1969 on a SNAP ticket.

SNAP was then in the Opposition and he was, for a term, the party's leader.

New Assistant Culture Minister, Mr Ramsey Jibam, was formerly the Deputy Police Commissioner of Sarawak.

He resigned from the police force to contest the Lundu State seat in 1983 and won. He is now a central committee member of the BCFP.

State Assistant Regional and Community Development Minister, Dr Fraser Robin, was formerly the deputy director of the State Health and Medical Services Department.

Head of the SNAP Youth wing, Dr Robin is State Assemblyman for Tasik Biru and Member of Parliament for Mas Gading.

Semera State Assemblyman Wan Abdul Wahab Wan Sessel is the new State Assistant Welfare Minister.

A PBB supreme council member, Wan Abdul Wahab was a religious teacher before joining politics.

The new Assistant Resource Planning Minister, Mr Ambrose Bikak anak Entarum, is a former civil servant.

He is the State Assemblyman for Katibas and a PBB supreme council member.